

Pholcodine dalam ubat batuk beri kesan sampingan ketika pembedahan

Oleh Irwan Shafrizan Ismail - Mac 27, 2023 @ 4:01pm
bhnews@bh.com.my

PUTRAJAYA: Keputusan Kementerian Kesihatan (KKM) membatalkan pendaftaran serta menarik balik semua produk ubat, terutama ubat batuk mengandungi pholcodine disifatkan langkah wajar dan tepat kerana ia memberi kesan sampingan ketika pembedahan.

Pakar Perubatan Kesihatan Masyarakat, Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh, berkata penggunaan ubat mengandungi pholcodine sepatutnya disekat lebih awal pihak berkuasa perubatan.

"Patut disekat lebih awal tetapi masalahnya semua ubat selalunya mengandungi kesan sampingan yang sama ada kecil atau besar. Keputusan KKM yang baru menarik balik produk disebabkan kesan sampingan pengambilan bersama ubat bius ketika pembedahan baru sahaja diketahui.

"Sebelum ini ubat mengandungi pholcodine dijual secara berleluasa, terutama di farmasi memandangkan ubat ini adalah dari kategori C (iaitu kebenaran didispens oleh bukan pakar atau doktor). Ini kemungkinan menyebabkan orang ramai membeli tanpa mengetahui kesan sampingan yang berlaku," katanya kepada BH, hari ini.

Khamis lalu, KKM melalui Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) membatalkan pendaftaran dan mengeluarkan arahan panggil balik terhadap semua produk mengandungi pholcodine.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata keputusan pada 20 Mac lalu itu dibuat berikutan terdapat risiko keselamatan yang dikesan boleh mengakibatkan anafilaksis, iaitu reaksi alahan teruk dan boleh mengancam nyawa.


Beliau berkata, pengguna yang mengambil ubat mengandungi pholcodine (kebiasaannya ubat batuk) dalam tempoh 12 bulan lalu, berdepan risiko lebih tinggi mengalami anafilaksis jika diberi ubat pengendur otot atau neuromuscular blocking agents (NMBAs) dalam proses pembiusan penuh, sebagai contoh ketika menjalani pembedahan.

Pholcodine adalah sejenis ubat bagi mengawal dan menghentikan batuk jenis kering (nonproductive/dry, irritating) dalam kalangan dewasa dan kanak-kanak.

Di Malaysia, pholcodine diklasifikasikan sebagai ubat terkawal Kumpulan C dan boleh diperoleh tanpa preskripsi.

Setakat ini, Pusat Pemonitoran Kesan Advers Ubat Kebangsaan, Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPR), menerima 12 laporan dengan 17 kesan advers susulan penggunaan pholcodine, namun tiada laporan anafilaksis diperolehi.

Dr Sharifa Ezat berkata, Australia melalui Therapeutic Goods Administration (TGA) negara itu, menyekat penggunaan ubat mengandungi pholcodine pada awal bulan ini.



**TINDAKAN PENGGUNA
DALAM ISU PANGGIL BALIK
UBAT YANG MENGANDUNGI PHOLCODINE**

Jika sedang mengambil ubat batuk atau selesema ...
Semak label atau sisip bungkusan produk untuk memastikan sama ada terdapat pholcodine dalam ubat yang diambil.

Jika sedang mengambil ubat pholcodine...
Hentikan pengambilan ubat pholcodine tersebut dan rujuk anggota kesihatan bagi mendapatkan ubat alternatif.

Jika pernah mengambil ubat pholcodine...
Maklumkan tentang pengambilan ubat tersebut kepada anggota kesihatan sebelum menjalani pembedahan yang memerlukan bius sepenuhnya.

**Program Perkhidmatan Farmasi
Duta Kenali Ubat Anda**

kenali_ubat_anda **kenaliubatanda** **pharmacy.gov.my**
knowyourmedicine.gov.my

"Antara kesan dibimbangi adalah anafilaksis badan sewaktu dibius, dan risiko tinggi untuk mereka yang mengalami obesiti. Kesan samping besar akibat kontaminasi, ketagihan, kesan multiplicative atau sinergistic (kesan berganda penggunaan dua ubat) hanya dikesan kadangkala lewat dan selepas banyak kajian dilakukan.

"Ubat ini juga adalah bahaya diberi kepada kanak-kanak. Malah Australia Patient Safety Network telah meminta ubat ini ditarik balik daripada pasaran sejak 2017.

"Norway pula mengharamkan sejak 2007. Kajian negara Scandinavia telah menunjukkan kesan bahaya ini sejak 2005 manakala European Medicines Agency mencadangkan supaya penggunaan pholcodine ditarik balik sejak Disember 2022," katanya.

Sementara itu pakar kesihatan awam, Dr Hanafiah Bashirun, berkata produk mengandungi pholcodine disekat selepas terdapat kes kematian di beberapa negara yang mana mereka mempunyai sejarah pengambilan pholcodine dalam tempoh 12 bulan sebelum menjalani pembedahan.

"Biasanya ubat yang kita nak keluarkan itu kita tidak cuba pun dekat orang yang hendak jalani pembedahan bagi melihat kesan sampingan dan sebagainya.

"Kejadian yang berlaku (luar negara) juga kebetulan, kematian berlaku selepas pembedahan dijalankan dan kebetulan didapati pesakit ada mengambil ubat mengandungi pholcodine.

"Banyak yang berlaku di luar, kerana itu Malaysia ambil inisiatif tarik balik produk secepat mungkin kerana tidak mahu kejadian sama berlaku, ia keputusan yang tepat," katanya.